

26 JUN 2003

Belkeziz-OIC/I

SIDANG KEMUNCAK OIC PUTRAJAYA BERLANGSUNG IKUT JADUAL, KATA S/AGUNG

PUTRAJAYA, 26 Jun (Bernama) -- Setiausaha agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Dr Abdelouahed Belkeziz hari ini mengesahkan Sidang Kemuncak OIC ke-10 di Kuala Lumpur akan diadakan mengikut jadual, Oktober ini.

Dr Belkeziz berkata beliau tidak menerima sebarang permohonan daripada negara-negara anggota OIC untuk menangguhkan persidangan itu.

"Saya mahu tegaskan bahawa tidak ada tanda-tanda persidangan ini akan ditangguhkan," katanya kepada sidang media selepas mengunjungi Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar di sini.

Dr Belkeziz menasihatkan media supaya berhati-hati dengan khabar angin itu.

Pemimpin kelahiran Magribi itu juga kagum dengan persiapan Malaysia menganjurkan sidang kemuncak terbabit yang akan berlangsung di Pusat Konvensyen Putrajaya yang baru yang dibina dengan kos RM650 juta, yang dilawatinya semalam.

Khabar angin yang tersebar sejak beberapa bulan lepas itu mengatakan persidangan di Putrajaya akan ditangguhkan.

Dr Belkeziz berharap sidang kemuncak itu akan menjadi mercu tanda dalam sejarah OIC selain bakal merumuskan keputusan penting untuk manfaat umat Islam.

Mengulas khabar angin itu, Syed Hamid berkata berdasarkan maklumat yang diterima, negara anggota OIC tidak sabar-sabar lagi untuk menghadiri sidang kemuncak berkenaan.

Beliau menyifatkan khabar angin yang bertujuan menjejaskan sidang kemuncak itu sebagai "tidakbertanggungjawab".

Mengenai fokus perbincangan pada sidang kemuncak itu, Syed Hamid berkata ia tidak memberi tumpuan khusus kepada Iraq atau usaha damai di Palestin semata-mata tetapi meliputi semua isu yang menjejaskan umat Islam.

"Kami akan tegaskan mengenai pentingnya keselamatan dan keamanan, kami akan ketengahkan kebimbangan kami mengenai unilateralisme, bimbang dengan stereotaip Islam dianggap sebagai pencetus keganasan dan penganas serta isu-isu lain," katanya.

Syed Hamid juga ditanya mengenai kemungkinan Malaysia mengemukakan calonnya untuk jawatan setiausaha agung OIC.

Beliau berkata Kuala Lumpur mendapat galakan daripada banyak negara OIC yang berminat melihat Malaysia mengemukakan calonnya untuk jawatan itu yang kosong tahun lepas.

"Tetapi kita belum memutuskan sama ada akan mengemukakan calon," katanya yang menambah kementerian itu belum memulakan apa-apa ke arah itu.

Pada akhir perhimpunan agung Umno minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dianggap ramai sebagai calon yang sesuai berdasarkan penghormatan Dunia Islam kepadanya, berkata beliau tidak berminat memegang jawatan itu.

Perdana Menteri pertama Malaysia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ialah setiausaha agung pertama OIC, memegang jawatan itu dari 1971 hingga 1973.

-- BERNAMA

MAM MAM LAT